

PANDUAN BAGI PERMOHONAN EJEN CUKAI

[Subseksyen 153(3) Akta Cukai Pendapatan 1967]

Kelulusan Ejen Cukai dikeluarkan bagi tempoh 3 tahun dan perlu diperbaharui 4 bulan sebelum tamat tempoh.

A. PERMOHONAN BARU EJEN CUKAI

1. SYARAT KELAYAKAN

- a. Mempunyai kelulusan dan pengalaman seperti di **Lampiran A**;
- b. Menghadiri Seminar Bajet tahunan terkini anjuran LHDNM/CTIM/MATA; dan
- c. Mempunyai **40 mata Continuing Professional Development (CPD)/Continuing Professional Education (CPE)** dalam tempoh satu (1) tahun terkini. Penentuan mata CPD/CPE adalah seperti di **Lampiran B**

2. PROSEDUR PERMOHONAN

- a. Permohonan dibuat secara online melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) di <http://smpc.treasury.gov.my>.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan :
 - i. Wang proses sebanyak **RM50.00** boleh dibuat melalui perkhidmatan **Perbankan Internet** (Fi Proses Ejen Cukai). Resit pembayaran melalui perbankan internet ini hendaklah dilampirkan bersama permohonan;
 - ii. Surat pengesahan tempoh pengalaman dalam bidang percukaian oleh majikan berkenaan; dan
 - iii. Senarai Pelanggan sekurang-kurangnya **20 kes** atau kes-kes yang dikendalikan bagi tempoh **1 tahun** terkini.
- c. Pemohon yang layak sahaja akan dipanggil untuk temuduga oleh LHDNM.
- d. Pemohon yang gagal dalam temuduga pertama boleh membuat rayuan kepada MOF dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat penolakan untuk temuduga kedua oleh MOF dan LHDNM.
- e. Pemohon yang rayuannya ditolak atau gagal dalam temuduga kedua, boleh memohon semula selepas enam (6) bulan dari tarikh surat penolakan.

B. PERMOHONAN PEMBAHARUAN EJEN CUKAI

1. SYARAT PEMBAHARUAN

Pemohon hendaklah memenuhi syarat seperti berikut:

- a. Menghadiri Seminar Bajet Tahunan terkini anjuran LHDNM/CTIM/MATA; dan
- b. Mempunyai **90 mata Continuing Professional Development (CPD)/Continuing Professional Education (CPE)** dalam tempoh **tiga (3) tahun** terkini. Pengecualian separuh mata CPD/CPE bagi pembaharuan kelulusan ejen cukai diberi kepada ejen cukai yang berusia 60 tahun ke atas. Penentuan mata CPD/CPE adalah seperti di [Lampiran B](#).

2. PROSEDUR PERMOHONAN PEMBAHARUAN

- a. Permohonan dibuat secara online melalui Sistem Maklumat Pengurusan Cukai (SMPC) <http://smpc.treasury.gov.my>.
- b. Permohonan hendaklah disertakan dengan :
 - i. Wang proses sebanyak **RM50.00** boleh dibuat melalui perkhidmatan [Perbankan Internet](#) (Fi Proses dan Ejen Cukai). Resit pembayaran melalui perbankan internet ini hendaklah dilampirkan bersama permohonan; dan
 - ii. Senarai Pelanggan sekurang-kurangnya **30 kes** atau kes-kes yang dikendalikan bagi tempoh **3 tahun** terkini.
- c. Permohonan hendaklah dikemukakan **4 bulan** sebelum tarikh tamat kelulusan Ejen Cukai.
- d. Kelewatan mengemukakan permohonan pembaharuan dalam masa yang ditetapkan akan mengakibatkan kelulusan berkenaan tidak dapat bersambung sehari selepas tarikh kelulusan tamat. Kelulusan yang telah tamat melebihi satu (1) tahun tidak layak diperbaharui dan pemohon perlu membuat permohonan baru.

Last Updated on Tuesday, 29 May 2012 08:12

**KELAYAKAN BAGI EJEN CUKAI
SUBSEKSYEN 153(3) AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967**

1. Mempunyai kelulusan akademik seperti di **Jadual Pertama Bahagian I, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
2. Ahli kepada mana-mana persatuan akauntan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia seperti di bawah **Jadual Pertama Bahagian II, Akta Akauntan 1967** dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas menjadi ahli persatuan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
3. Mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang perniagaan dan ekonomi daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan lapan (8) tahun pengalaman kerja (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan Kerajaan atau swasta;
4. Lulus dalam peperiksaan Kursus Lanjutan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
5. Lulus dalam peperiksaan Kursus Permulaan anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri dan (10) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
6. Seseorang yang telah lulus dalam Kursus Ejen Percukaian anjuran Lembaga Hasil Dalam Negeri (Skim Latihan Khas);
7. Ahli kepada Institut Percukaian Malaysia (CTIM) dan lima (5) tahun pengalaman praktikal dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
8. Ahli kepada The Malaysian Institute Of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA) dan lima (5) tahun pengalaman praktikal (selepas menjadi ahli persatuan) dalam bidang percukaian pendapatan dengan Kerajaan atau swasta;
9. Ahli kepada Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS) yang mempunyai kelulusan akademik di peringkat ijazah pertama dalam bidang undang-undang daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia dan lima (5) tahun pengalaman (selepas kelulusan) dalam bidang percukaian pendapatan secara praktikal dengan kerajaan atau swasta; dan
10. Ahli akademik yang mempunyai lima (5) tahun pengalaman mengajar dalam bidang percukaian di peringkat diploma dan ke atas di mana-mana Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) yang diiktiraf oleh kerajaan Malaysia serta mempunyai syarat kelayakan seperti di **Jadual Pertama Bahagian I dan II Akta Akauntan 1967**.

**KELAYAKAN AKADEMIK
(JADUAL PERTAMA BAHAGIAN I, AKTA AKAUNTAN 1967)**

- a) Diploma Perakaunan, Universiti Malaya;
- b) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya;
- c) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia;
- d) Diploma Lanjutan Perakaunan, Institut Teknologi MARA;
- e) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM);
- f) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia;
- g) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Pertanian Malaysia;
- h) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Putra Malaysia;
- i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa;
- j) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia;
- k) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian)(Teknologi Maklumat),Universiti Utara Malaysia yang program akademiknya bermula sebelum tahun akademik 2002/2003;
- l) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional yang program akademik pertamanya bermula dari tahun akademik 2002/2003;
- m) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Multimedia yang program akademik pertamanya bermula dari tahun akademik 2002/2003;
- n) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia;
- o) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Sabah;
- p) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Industri Selangor.

Lampiran A2

**PERSATUAN YANG DIIKTIRAF
JADUAL PERTAMA BAHAGIAN II, AKTA AKAUNTAN 1967**

- a) Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA);
- b) Institute of Chartered Accountants of Scotland;
- c) Institute of Chartered Accountants in England and Wales;
- d) Institute of Chartered Accountants in Ireland;
- e) Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom);
- f) Institute of Chartered Accountants in Australia;
- g) Australian Society of Chartered Accountants;
- h) New Zealand Society of Chartered Accountants;
- i) Canadian Institute of Chartered Accountants;
- j) Institute of Chartered Accountants of India;
- k) Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom).

**KELAYAKAN YANG DIIKTIRAF OLEH KERAJAAN SETARAF DENGAN IJAZAH AM/
LULUS DARI UNIVERSITI TEMPATAN**

- a) Association of International Accountants (AIA), U.K. ;
- b) Institute of Chartered Secretaries and Administrators, U.K.

LAMPIRAN B**Penentuan mata *Continuing Professional Development (CPD)*/
*Continuing Professional Education (CPE)***

	Kriteria	Jumlah Mata CPD/CPE								
1.	Peserta seminar/bengkel dan lain-lain berkaitan percuakan anjuran MOF/LHDNM atau CTIM/MATA/MIA/MICPA/MAICSA/CPA Australia(dengan kerjasama LHDNM)	1 jam CPD/CPE bersamaan 1 mata CPD/CPE								
2.	Peserta Seminar Bajet Tahunan Terkini anjuran LHDNM/CTIM/MATA	10 mata CPD/CPE								
3.	Peserta Persidangan Cukai Kebangsaan anjuran LHDNM/CTIM/MATA/MIA	25 mata CPD/CPE								
4.	Pengerusi/ Penceramah/ Ahli Panel dalam seminar anjuran MOF/LHDNM/CTIM/MIA/MATA	20 mata CPD/CPE								
5.	Menulis artikel teknikal dalam jurnal rasmi yang dikeluarkan oleh CTIM/MIA	Bagi setiap artikel* yang diterbitkan, mata CPD/CPE adalah berdasarkan jenis artikel seperti berikut: <table border="1"><thead><tr><th>Jenis Artikel</th><th>Mata</th></tr></thead><tbody><tr><td>Cukai Individu</td><td>10 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Cukai Syarikat</td><td>15 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Cukai Individu & Syarikat</td><td>20 mata CPD/CPE</td></tr></tbody></table>	Jenis Artikel	Mata	Cukai Individu	10 mata CPD/CPE	Cukai Syarikat	15 mata CPD/CPE	Cukai Individu & Syarikat	20 mata CPD/CPE
Jenis Artikel	Mata									
Cukai Individu	10 mata CPD/CPE									
Cukai Syarikat	15 mata CPD/CPE									
Cukai Individu & Syarikat	20 mata CPD/CPE									
6.	Menulis buku berkenaan percuakan	Bagi setiap buku* yang diterbitkan, mata CPD/CPE adalah berdasarkan jenis buku seperti berikut: <table border="1"><thead><tr><th>Jenis Artikel</th><th>Mata</th></tr></thead><tbody><tr><td>Cukai Individu</td><td>30 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Cukai Syarikat</td><td>50 mata CPD/CPE</td></tr><tr><td>Cukai Individu & Syarikat</td><td>80 mata CPD/CPE</td></tr></tbody></table>	Jenis Artikel	Mata	Cukai Individu	30 mata CPD/CPE	Cukai Syarikat	50 mata CPD/CPE	Cukai Individu & Syarikat	80 mata CPD/CPE
Jenis Artikel	Mata									
Cukai Individu	30 mata CPD/CPE									
Cukai Syarikat	50 mata CPD/CPE									
Cukai Individu & Syarikat	80 mata CPD/CPE									

Nota :

*Setiap artikel atau buku yang telah diambil kira mata CPD/CPE tidak layak diambil kira untuk permohonan Ejen Cukai seterusnya. Ini bermakna artikel yang telah diambil kira mata CPD/CPE dan selanjutnya yang dibukukan tidak layak menuntut mata CPD/CPE sebagai buku.